

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN IDRIS BIN AHMAD**
KAWASAN : **BUKIT GANTANG**
TARIKH : **15.3.2017 (RABU)**
NO. SOALAN : **56**

YB TUAN IDRIS BIN AHMAD minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan berapakah jumlah pengeluaran kereta Proton untuk tahun 2016 dan apakah masalah Proton sehingga banyak rungutan di kalangan pembeli mengenai kualitinya berbanding dengan kereta keluaran Perodua.

Jawapan

Tuan Yang Di Pertua,

Jumlah pengeluaran kereta PROTON adalah sebanyak 73,400 unit pada tahun 2016. PROTON menduduki tempat ketiga dalam carta pengeluaran kenderaan antara semua pengeluar utama. Jumlah keseluruhan pengeluaran kenderaan PROTON merangkumi 13.5% daripada jumlah keseluruhan pengeluaran kenderaan di Malaysia pada tahun 2016.

Sebagai satu usaha dalam pelan transformasi PROTON pada masa ini, PROTON sedang meningkatkan kualiti kenderaannya berbanding kualiti

pada masa lepas. Ini adalah penting bagi mengembalikan keyakinan orang ramai dan mengurangkan persepsi negatif terhadap PROTON. PROTON juga sedang berusaha untuk mempertingkatkan daya saing perniagaannya khususnya dalam menambahbaik akses kepada teknologi-teknologi terkini seperti platform dan enjin berspesifikasi tinggi, serta proses dan sistem pembaikan operasi, produktiviti produk dan kualiti. Ini seterusnya dijangka meningkatkan jualan model PROTON pada masa akan datang.

Menurut kajian dan analisis JD Power pada 2016, PROTON telah menunjukkan peningkatan dari segi indeks kepuasan pelanggan serta indeks kepuasan jualan. Bagi indeks kepuasan pelanggan, PROTON telah meningkat sebanyak 19 mata iaitu peningkatan tertinggi di kalangan pengeluar kereta di Malaysia. Dari segi indeks kepuasan jualan pula, PROTON menunjukkan peningkatan sebanyak 53 mata berbanding tahun 2015 kepada 782 mata.

Dengan sokongan yang diberikan oleh Kerajaan termasuk pinjaman mudah bernilai RM1.5 bilion serta usaha-usaha peningkatan kualiti PROTON yang berterusan, kini PROTON telah menunjukkan peningkatan prestasi jualan kenderaannya sebanyak 62.5% dari 4,436 unit pada Ogos 2016 kepada 7,207 unit pada Januari 2017.